

Kampus UMP mercu baru Pahang

Kuala Pahang banyak sumber bahan mentah, mudah pelajar buat penyelidikan

Oleh Nurashiqin Omar

IMPIAN penduduk negeri Tok Gajah untuk memiliki sebuah kampus induk institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bergelar 'universiti' bakal terlaksana tidak lama lagi dengan pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dijangka menjadi salah satu mercu tanda bumi bertuah itu.

Pembinaan kampus tetap UMP yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) itu akan dilaksanakan di kira-kira empat kilometer dari Kuala Pahang, Pekan dan lokasinya yang strategik itu dijangka membawa pembaharuan di kawasan terbabit.

Majlis pelancaran pembinaan Kampus Tetap UMP oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Jamuan Kesyukuran Rakyat akan diadakan hari ini bersamaan 15 Jamadilakhir 1428 Hijrah di tapak kampus tetap UMP, Kuala Pahang.

Cadangan fasa pertama pembangunan kampus tetap bersebelahan Lagenda Golf Country Club itu dibahagi kepada dua bahagian iaitu Fasa 1A yang mengandungi Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal; dan Fasa 1B yang mengandungi Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian serta Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Sebelum ini, majlis peletakan batu asas kampus tetap UMP yang dapat menampung lebih daripada 10,000 pe-

lajar pada sesuatu masa sudah dilaksanakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada 2 November 2002, manakala kerja tanah di atas sebidang kawasan seluas 259.8 hektar pula dilaksanakan sejak 23 Jun 2003.

Selain itu, projek pembinaan bangunan kampus tetap yang dimulakan sejak 11 Jun lalu itu turut menyenaraikan blok pentadbiran utama, dewan konvokesyen dan asrama yang boleh menampung sehingga kira-kira 4,000 pelajar sebagai binaan utama dalam fasa pertama ini.

Dijangka siap pada Disember 2010, UMP turut merancang pembinaan lima lagi fakulti termasuk Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Fakulti Pengurusan Teknologi, Fakulti Sains Industri serta Fakulti Kejuruteraan Mekatronik pada fasa kedua.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata kampus tetap berkenaan turut dilengkapi pelbagai prasarana lain seperti pusat pengajian siswazah, unit pemeriksaan dan jaminan kualiti akademik serta kemudahan pelajar termasuk perpustakaan, dewan kuliah, pusat Islam, kompleks sukan, asrama tambahan, pusat kesihatan, pusat koku-rikulum dan kediaman kakitangan.

"Kemudahan bagi fasa kedua ini akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan pembinaannya dijangka bermula pada 2011. Pembinaan kampus tetap ini diharap dapat memberi perubahan



JADI KEBANGGAAN: Kampus Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia sebelum dinaik taraf menjadi Universiti Malaysia Pahang.

kepada struktur ekonomi masyarakat desa di kawasan sekitar memandangkan banyak kelebihan boleh mereka peroleh melalui kewujudannya.

"Kawasan Kuala Pahang dilihat berpotensi menghasilkan sumber bahan mentah bagi penyelidikan dilakukan UMP seperti pokok herba, tumbuhan rempah serta pokok yang jarang ditemui dan keadaan ini memudahkan pelajar dan penyelidik UMP untuk meneruskan kajian tanpa masalah ketandusan sumber ba-

han mentah," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan dan kemajuan dicapai UMP sejak ia mula beroperasi pada 1999, beliau berkata, IPTA yang ditubuhkan hasil cetusan Najib itu sentiasa melakukan penambahbaikan yang teliti bagi melahirkan graduan yang mampu bersaing pada peringkat global.

Katanya, selain merangka sukatan matapelajaran yang tepat dengan keperluan industri masa kini bagi setiap program, UMP turut mewajibkan pelajarannya memiliki empat pe-

ngisian utama sebelum keluar sebagai graduan UMP termasuk pengetahuan teknikal, kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan kemahiran keusahawanan.

"Kami bukan hanya ingin melahirkan graduan berkemahiran teori, tetapi semua graduan kami memiliki pakej lengkap sebagai modal insan berkualiti; bijak dalam kemahiran teknikal, bijak menonjolkan diri, bijak berkomunikasi dan kreatif dalam menghasilkan produk yang boleh membawa keuntungan.